

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8280

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan keatas Perhimpunan Merah pada 16/9/2015 di mana bahasa kesat, berbaur perkauman dan berunsur ganas/ugut dilemparkan ke atas golongan bukan Melayu serta pembakaran patung saya bersama dengan YB Gelang Patah turut disertai dengan upacara sembahyang jenazah yang dipimpin oleh Ketua Bahagian UMNO Kota Bharu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi perlakuan membakar patung YB Gelang Patah dan YB Bagan, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Kota Bahru report 18755/ 15. Kertas siasatan 1881/15 dibuka di bawah seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 13 Oktober 2015 untuk arahan lanjut. Pihak polis tidak berhasrat untuk mendedahkan kes ini kerana masih dalam siasatan dan dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan yang dijalankan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

TARIKH : 23.11.2015

SOALAN : 52

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah penambahan Lampu Jalan Kampung daripada 10 unit sekarang kepada 20 unit dijalankan seperti yang telah dijanjikan dan siapakah kontraktor yang dilantik untuk menjalankan tugas tersebut di Sarawak

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada tahun 2015 telah menawarkan kontrak pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) bernilai RM5.0 juta kepada Sarawak Energy Berhad (SEB). Pelaksanaan projek ini bermula pada 17 Ogos 2015 dan dijadualkan siap pada 16 November 2016 melibatkan pemasangan 6,098 unit LJK. Senarai pemasangan LJK di negeri Sarawak dimuktamadkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak dan telah mengambil kira keputusan Kerajaan yang telah meluluskan pertambahan kuantiti pemasangan Lampu Jalan Kampung daripada 10 unit kepada 30 unit untuk sebuah kampung.